



Taklimat Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023

Surat Edaran oleh Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)
(JPA.800-3/2/4 (17)) bertarikh 27 Disember 2022

3 Januari 2022 | 9.00 pagi | Bilik Mesyuarat Utama, UTMD



TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (PEMBANGUNAN)
DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE (DEVELOPMENT)
Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853002
Faks (Fax): 603-88892639
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.800-3/2/4 (17)
Tarikh : 27 Disember 2022

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato'/Tuan/Puan,

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2023

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/ Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum bahawa Kerajaan melalui Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022, telah bersetuju supaya Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2023 sebanyak RM700.00 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah. Di samping itu, BKK Tahun 2023 ini turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan yang menerima pencen dan veteran tidak berpencen dengan bayaran sebanyak RM350.00.

Peneraju Pembaharuan, Penggerak Perubahan
Leading Reform, Driving Change



PENGAKUIAN ISO 9001 : 2015
NOS. SUL : QAS/0194

Latar Belakang

Kerajaan melalui Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022, telah bersetuju supaya **Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2023 sebanyak RM700.00** dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah.

Bayaran ini juga turut dipanjangkan kepada pesara Kerajaan yang menerima skim pencen dan veteran tidak berpencen dengan bayaran sebanyak RM350.00.



Siapa Yang Layak?

Pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah.

01 Status Lantikan


Pegawai lantikan tetap, sementara dan Contract of Service (COS)

02 Status Cuti

- Pegawai yang bercuti bergaji penuh
- Pegawai yang bercuti separuh gaji
- Pegawai yang bercuti tanpa gaji

03 Status Peminjaman

Pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas Kewangan ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai



Siapa Yang Layak?

Pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah.

04 Lantikan MySTEP


Pegawai lantikan MySTEP telah berkhidmat selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun 2022 dan masih berkhidmat sebagai MySTEP pada 17 Januari 2023

05 Pesara Kontrak

Pesara (rujuk para 3.3) dan veteran yang dilantik semula secara COS dan masih berkhidmat pada 17 Januari 2023 layak dibayar sebanyak RM700.00. Pembayaran sebanyak RM350.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam/ Jabatan Hal Ehwal Veteran dan bakinya sebanyak RM350.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat

06 Meninggal Dunia

Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meninggal dunia pada 17 Januari 2023 layak diberi BKK Tahun 2023 sebanyak RM700.00



Siapa Yang Tidak Layak?

01	02	03	04	05
VK/ VU Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memangku, dipinjam/ tukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama/ Gred Khas	Tatatertib Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib buang kerja atau turun pangkat dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023	PDKA Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023	Peletakan Jawatan Pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023	Melepaskan Hak Pencen Pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saran



Siapa Yang Ditangguhkan?



Pegawai yang **ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib** akan ditangguhkan pemberian Bantuan Khas Kewangan 2023 ini.

Pegawai hanya layak dibayar BKK Tahun 2023 setelah dibebaskan daripada pertuduhan tatatertib atau dikenakan hukuman selain buang kerja atau diturunkan pangkat oleh PBTT yang berkenaan;

Nota: Mohon PSM menyediakan ROC dan catatan pada Buku Perkhidmatan Kerajaan mengenai status penangguhan.

Lain-lain Kelayakan

Contract For Service

Pihak pentadbiran juga mencadangkan agar bagi lantikan ***Contract For Service*** (CFS) (terdiri daripada pegawai lantikan Skim Akademik Fleksibel (SAF) dan lain-lain lantikan CFS) di kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 56 ke bawah yang mana pembayaran BKK 2023 adalah tertakluk kepada surat edaran oleh Kementerian Kewangan, turut dibayar BKK 2023 sebanyak RM700 atau RM350 sekiranya pegawai adalah pesara UTM **tertakluk kepada peruntukan kewangan Tabung/ Geran lantikan.**

Pekerja Sambilan Harian (PSH)

BSM juga ingin mencadangkan agar pemberian BKK 2023 ini **dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian (PSH)** tertakluk kepada syarat sama seperti lantikan MySTEP di Perenggan 3.2 (i). Pembayaran adalah berdasarkan kemampuan peruntukan tabung PTJ dengan kadar maksimum sehingga RM700.00.



Soalan Lazim Berkaitan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023

Q

Adakah pegawai yang dilantik pada 9 Januari 2023 layak menerima BKK Tahun 2023?

A

Pegawai yang telah dilantik tetap dan **masih berkhidmat pada 17 Januari 2023** layak menerima BKK Tahun 2023.

Q

Adakah pegawai yang bercuti separuh gaji/tanpa gaji sepanjang tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023 layak menerima BKK Tahun 2023?

A

Layak.

Q

Adakah seorang pegawai Contract of Service (COS) layak diberi BKK Tahun 2023 sekiranya tarikh kontrak beliau bermula dari 3 Januari 2023?

A

Pegawai COS yang masih berkhidmat pada 17 Januari 2023 layak menerima BKK Tahun 2023.

Q

Adakah seorang pegawai COS layak diberi BKK Tahun 2023 sekiranya beliau berkhidmat mulai 14 Oktober 2022 hingga 13 Januari 2023 dan tidak lagi berkhidmat selepas tarikh tamat kontrak tersebut?

A

Pegawai tidak layak kerana tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada 17 Januari 2023 iaitu pada tarikh pembayaran.

Q

Adakah seorang pegawai COS yang dilantik pada 1 April 2022 hingga 31 Mac 2023 layak diberi BKK Tahun 2023?

A

Pegawai layak menerima BKK 2023 dengan syarat masih berada dalam perkhidmatan pada 17 Januari 2023.

Q

Adakah seorang Personel MySTEP yang kontraknya berkuat kuasa mulai 1 Februari 2022 hingga 30 November 2022 dan kemudiannya telah dilantik semula berkuat kuasa 15 Disember 2022 sehingga 30 Jun 2023 layak menerima BKK Tahun 2023?

A

Personel MySTEP berkenaan layak. Prinsip utama adalah tempoh berkhidmat pada tahun 2022 adalah sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan dan masih berkhidmat sebagai Personel MySTEP pada 17 Januari 2023.



Adakah seorang Personel MySTEP yang kontraknya berkuat kuasa mulai 1 September 2022 hingga 31 Disember 2022 dan kemudiannya telah dilantik semula berkuat kuasa 4 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023 layak menerima BKK Tahun 2023?



Personel MySTEP berkenaan tidak layak. Prinsip utama adalah tempoh berkhidmat pada tahun 2022 adalah sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan walaupun telah berkhidmat sebagai Personel MySTEP pada 17 Januari 2023.



Adakah PSH yang dilantik di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri layak menerima BKK Tahun 2023?



Tertakluk kepada penerimaan pakai oleh pihak berkuasa masing-masing seperti yang ditetapkan oleh perenggan 4 Surat Edaran no. rujukan JPA.800-3/2/4(17) bertarikh 27 Disember 2022.



Adakah pegawai yang dijatuhkan hukuman amaran pada 10 Januari 2023 oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Kementerian/Jabatan layak menerima BKK Tahun 2023?



Pegawai layak menerima BKK Tahun 2023 kerana hukuman amaran tidak termasuk hukuman yang tidak melayakkan.



Adakah pegawai yang telah dijatuhkan hukuman tatatertib pada November 2022 dan pelaksanaan hukumannya berlanjutan melangkaui tempoh 1 Januari 2023 layak dibayar BKK Tahun 2023?



Pegawai tersebut layak dibayar BKK Tahun 2023 kerana hukuman dijatuhkan bukan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari.



Adakah pegawai yang telah dijatuhkan hukuman tatatertib amaran pada 9 Januari 2023 layak dibayar BKK Tahun 2023?



Pegawai tersebut layak dibayar BKK Tahun 2023 kerana hukuman yang dijatuhkan bukan buang kerja atau turun pangkat.

Tarikh Kuatkuasa?



Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 ini akan dibayar pada

17 Januari 2023

dan menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran




Tatacara Penyediaan ROC Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023

Peranan Penyedia dan Peranan Pelulus

Penyediaan ROC (PTPO)



1

Masuk ke Portal MyUTM:
my.utm.my > Pilih Menu
UTMHR V2 (Beta)



2

Pilih Menu Perkhidmatan > Bantuan Khas Kewangan > **Pengwujudan dan Pengesahan**



3

Klik butang **kemaskini** pada menu Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023

NO.	JENIS	TAHUN	TINDAKAN
1	BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2023	2023	
2	BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2022	2022	
3	BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2022	2022	


Penyediaan ROC (PTPO)

4

Sistem akan memaparkan **senarai nama** staf di bawah PTJ Penyedia ROC

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2023											
Carian : Carian Rekod											
Bil	NO.RUJUKAN ROC	No.Pekerja	Nama Staf	Amaun Bonus	Status Staf	Status ROC	Gred Jawatan	PTJ/FAKULTI	Tarikh Tamat Pencen	Tarikh Henti	Kelayakan Bonus
1		9406	ABD JAMIL BIN JUM'AH		TETAP	KPI4B	J02 - PENDAFTAR		16/10/2036	-	
2		9627	ABDO RAHIM BIN MARJUKI		TETAP	KPI4B	J02 - PENDAFTAR		31/08/2033	-	
3		10047	ABDUL MUTALIB BIN MAHAT		TETAP	KPI4A	J02 - PENDAFTAR		05/11/2043	-	
4		10334	ABDUL SAMAD BIN ABDUL RAZAK		TETAP	NA140	J02 - PENDAFTAR		28/09/2045	-	
5		9632	ADAM BIN ABBAS		TETAP	KPI4B	J02 - PENDAFTAR		15/11/2023	-	
6		15146	ADIBAH BINTI ISMAIL		TETAP	NA19E	J02 - PENDAFTAR		17/12/2050	-	

Nota: Secara default, sistem hanya akan memaparkan 10 baris nama sahaja. Sekiranya PSM ingin melihat lebih, sila skrol ke bawah dan klik drop down, pilih baris paparan yang dikehendaki maksimum sehingga 100 sahaja




5

Klik pada ruangan kiri untuk memilih staf yang layak dibayar BKK dan tekan butang Proses

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2023											
Carian : Carian Rekod											
Bil	NO.RUJUKAN ROC	No.Pekerja	Nama Staf	Amaun Bonus	Status Staf	Status ROC	Gred Jawatan	PTJ/FAKULTI	Tarikh Tamat Pencen	Tarikh Henti	Kelayakan Bonus
1		9406	ABD JAMIL BIN JUM'AH		TETAP	KPI4B	J02 - PENDAFTAR		16/10/2036	-	

6

Satu pop-up akan keluar seperti ini. Jangan risau. Tekan OK sahaja.



Penyediaan ROC (PTPO)

7

Pop-Up Penentuan Pegawai Pengesah akan keluar. **Pilih nama Pegawai Pengesah** dan tekan butang **Simpan**.

The screenshots illustrate the workflow for appointing an approver:

- Screenshot 1:** Shows the main interface for 'Penentuan Pegawai Pengesah' (Appointment of Approver). It includes fields for 'Nama Pegawai Pengesah' (Approver Name) and 'Jawatan' (Position), both currently set to dropdown menus. Buttons for 'Simpan' (Save) and 'Kembali' (Back) are visible.
- Screenshot 2:** A modal window titled 'Penentuan Pegawai Pengesah' displays the selected approver information: 'SAIDATUL AKMAL BINTI ABDUL HAMID - JO2' and 'NA44A - PEGAWAI TADBIR (NA44)'. It also has 'Simpan' and 'Kembali' buttons.
- Screenshot 3:** A confirmation dialog box appears with a green checkmark icon and the text 'Berjaya! Rekod telah disimpan dan dihantar untuk pengesahan' (Success! Record saved and sent for approval). It includes an 'OK' button and standard 'Simpan' and 'Kembali' buttons.

8

Maklumat amaun dan kelayakan Bonus akan tertera

Bil	NO.RUJUKAN ROC	No.Pekerja	Nama Staf	Amaun Bonus	Status Staf	Status ROC	Gred Jawatan	PTJ/FAKULTI	Tarikh Tamat Pencen	Tarikh Henti	Kelayakan Bonus	TINDAKAN
1	1201/2023/000001	9406	ABD JAMIL BIN JUM'AH	700	ETAP	DRAFT	KP14B	J02 - PENDAFTAR	16/10/2036	-	LAYAK (PENUH)	

Penyediaan ROC (PTPO)

Tambahan: Sekiranya ada keperluan untuk membuat perubahan, tekan butang kemaskini (warna biru/ lambang pensel) di column Tindakan.

Kelayakan Bonus

LAYAK (PENCEN)

Ayat BKRP:


DILULUSKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2023
SEBANYAK RM3500.00 BERKUATKUASA 17 JANUARI 2023
BERDASARKAN SURAT EDARAN KETUA PENGARAH
PERKHIDMATAN AWAM (JPA.800-3/2/4(17)) BERTARikh 27
DISEMBER 2022

Emolumen - Maklumat Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas

Kadar Bayaran (RM):
350

Catatan:
PESARA KONTRAK

Kemaskini Reset Kembali



Contoh: Perlu buat perubahan pada staf kontrak pesara UTM.

1. Pada kelayakan Bonus ubah kepada Layak (Pencen).
2. Ubah ayat BKRP kepada kadar RM350.00
3. Pada ruangan Kadar Bayaran ubah kepada RM350.00
4. Boleh masukkan catatan
5. Tekan butang Kemaskini

Penyediaan ROC (PTPO)

9

Selepas memastikan semua maklumat tepat, klik check box di ruangan sebelah Kiri dan tekan butang Submit.

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2023

Submit Hapus

Carian : Carian Rekod Print Excel PDF

Bil	NO.RUJUKAN ROC	No.Pekerja	Nama Staf	Amaun Bonus	Status Staf	Status ROC	Gred Jawatan	PTJ/FAKULTI	Tarikh Tamat Pencen	Tarikh Henti	Kelayakan Bonus	TINDAKAN
1	<input checked="" type="checkbox"/> 1201/2023/000001	9406	ABD JAMIL BIN JUM'AH	350	TETAP	DRAFT	KPI4B	J02 - PENDAFTAR	16/10/2036	-	LAYAK (PENCEN)	  

Nota: Selain check box, boleh gunakan Butang Submit berwarna kuning di dalam column Tindakan. Namun fungsi ini hanya bagi Submit secara individu bukan secara batch.

Penyediaan ROC (PTPO)

Nota: Selepas staf Submit, Pegawai PSM yang dipilih nama sebagai Pengesah akan menerima emel pemakluman. Sekiranya Submit secara batch, maka senarai nama staf akan dipaparkan di dalam emel tersebut.

[BKK] - KELULUSAN PENERIMA BANTUAN KHAS KEWANGAN ➤ Inbox x Print Reply

 **UTM-HR no-reply** <noreply-utmhr@utm.my>
to me ▾ 4:06 PM (0 minutes ago) Star Forward More

Assalamualaikum Wr. Wbt.,& Salam Sejahtera,
Salam Sejahtera / Warm Greetings
Y.Bhg Tan Sri / Datuk / Dato'/ Prof / Dr / Saudara,
Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.
Dimaklumkan, berikut adalah staf yang telah disahkan dan sedang menunggu untuk proses semakan dan kelulusan dari Tuan/Puan. Tuan/Puan dikehendaki mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut tempoh yang ditetapkan.

Senarai Penerima BKK

Bil	No.Pekerja	Nama Pekerja	PTJ/Fakulti
1	9406	ABD JAMIL BIN JUM'AH	J02


Kerjasama dan tindakan segera dari semua pihak amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.
Sekian dimaklumkan, terima kasih.
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

/* Jabatan Pendaftar
*/ Universiti Teknologi Malaysia

Pengesah/ Pelulus ROC (Pegawai PSM)

1

Masuk ke Portal MyUTM:
my.utm.my > Pilih Menu
UTMHR V2 (Beta)



2

Pilih Menu Perkhidmatan > Bantuan Khas Kewangan > **Kelulusan PSM**

3

Klik butang **kemaskini** pada menu Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023



NO.	JENIS	TAHUN	TINDAKAN	
			Print	Excel
1	BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2023	2023		
2	BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2022	2022		
3	BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2022	2022		

Pengesah/ Pelulus ROC (Pegawai PSM)

3

Semak pada senarai nama yang tertera. Pastikan maklumat tepat. Klik **Check Box** di column Kiri dan tekan butang **Approve**.

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2023												
Carian :		Carian Rekod										
Bil	No.RUJUKAN ROC	No.Pekerja	Nama Staf	Amaun Bonus	Status Staf	Status ROC	Gred Jawatan	PTJ/FAKULTI	Tarikh Tamat Pencen	Tarikh Henti	Kelayakan Bonus	TINDAKAN
1	<input checked="" type="checkbox"/> 1201/2023/000001	9406	ABD JAMIL BIN JUM'AH	350	TETAP	SUBMITTED	KPI4B	J02 - PENDAFTAR	16/10/2036	-	LAYAK (PENCEN)	  



Bil	No.RUJUKAN ROC	No.Pekerja	Nama Staf	Amaun Bonus	Status Staf	Status ROC	Gred Jawatan	PTJ/FAKULTI	Tarikh Tamat Pencen	Tarikh Henti	Kelayakan Bonus	TINDAKAN
1	<input type="checkbox"/> 1201/2023/000001	9406	ABD JAMIL BIN JUM'AH	350	TETAP	APPROVED	KPI4B	J02 - PENDAFTAR	16/10/2036	-	LAYAK (PENCEN)	  

**DILULUSKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2023 SEBANYAK RM700.00
BERKUATKUASA 17 JANUARI 2023 BERDASARKAN SURAT EDARAN KETUA
PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (JPA.800-3/2/4(17)) BERTARIKH 27
DISEMBER 2022**

Staf Tidak Layak Disebabkan Oleh 5 Perkara Yang Tidak Melayakkan

**DITANGGUHKAN/ TIDAK LAYAK BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2023
SEBANYAK RM700.00 BERKUATKUASA 17 JANUARI 2023 BERDASARKAN SURAT
EDARAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (JPA.800-3/2/4(17))
BERTARIKH 27 DISEMBER 2022 **DISEBABKAN OLEH TATATERTIB****



Terima Kasih

Ada sebarang soalan?

saidatul@utm.my | roc@utm.my
<https://registrar.utm.my/bsm/spks/>

Seksyen Perkhidmatan & Saraan
Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar
Universiti Teknologi Malaysia
3 Januari 2022